


APA DIA PENDEKATAN, KAEDAH, TEKNIK DAN STRATEGI PENGAJARAN?



Mok Soon Sang 1992, Pedagogi 2 m.s. 8

- Pendekatan – jalan yang diambil
- Kaedah – cara teratur, kemas & sistematik
- Teknik - kaedah membentuk teknik. Misalnya kaedah bercerita = teknik menyampaikan cerita (gaya); kemahiran menyampaikan cerita; pelbagai teknik.

APAKAH PERBEZAAN ANTARA STRATEGI, KAEDAH, PENDEKATAN DAN TEKNIK PENGAJARAN?

PENDEKATAN = APPROACH (pp. 58)

- A way to
- **Means** of reaching
- A way of considering/dealing with
- e.g. a problem: a new approach

TEKNIK = TECHNIQUE (pp. 1257)

- Proficiency or **skill** in the practical art/science
- e.g. a teacher with a good voice but poor technique
- A way of achieving one's purpose **skillfully**.

(Sumber: CHAMBERS ENCYCLOPEDIA ENGLISH DICTIONARY)

Apakah Klasifikasi Strategi Pengajaran dan Pembelajaran?

1. Strategi Pemusatan Guru
2. Strategi Pemusatan Murid
3. Strategi Pemusatan Bahan Pelajaran

APAKAH CIRI-CIRI STRATEGI PEMUSATAN GURU?

- Guru memainkan peranan penting
- Komunikasi sehalu. Guru banyak bercakap.
- Kepimpinan guru secara autokratik
- Pencapaian objektif guru diutamakan
- Penyebaran ilmu pengetahuan lebih diutamakan daripada penyuburan nilai murni/perkembangan emosi.
- Penyampaian fakta secara menghafal. Pembelajaran berbentuk mengingat/menghafal.
- Interaksi di antara murid adalah pasif.
- Kaedah keseluruhan kelas.
- Murid-murid kurang kreatif/ tidak beriniciatif.
- Kaedah & Teknik – penerangan, demonstrasi, syarahan, kumpulan/pasukan, bercerita, keseluruhan kelas.

APAKAH CIRI-CIRI STRATEGI PEMUSATAN MURID?

- Murid memainkan peranan penting
- Komunikasi dua hala. Guru menyoal/membimbing.
- Kepimpinan guru secara demokratik. Perbincangan/galakan murid memberi pendapat, objektif pencapaian murid diutamakan
- perkembangan murid secara menyeluruh/seimbang (j.e.r.i.)
- Ujian formatif digunakan bagi membaiki kelemahan murid.
- Penyampaian guru untuk pembelajaran bermakna, memahami & membuat kesimpulan,
- Peluang interaksi di antara murid adalah positif (bekerjasama, bertolak ansur, tolong-menolong)
- Kaedah kumpulan/perbezaan & minat murid dipupuk,
- Murid-murid bersifat kreatif/ beriniciatif.
- Kaedah & Teknik – projek, inkuiri-penemuan, perbincangan, penyoalanan, penyelesaian masalah, simulasi, main peranan, sumbangsaran, kumpulan kecil dsb.

APAKAH CIRI-CIRI STRATEGI PEMUSATAN BAHAN PELAJARAN?

- Bahan pelajaran memainkan peranan penting. Pergantungan kepada bahan untuk mencapai objektif pengajaran.
- Komunikasi/interaksi berlaku antara guru/bahan atau murid/bahan pembelajaran
- Kecekapan/kemahiran penggunaan bahan pengajaran-pembelajaran diutamakan
- Penekanan kepada jasmani, rohani, dan kognitif. Murid dilatih dalam kemahiran, kefahaman dan berdikari.
- Pengajaran bermakna, menarik dan berkesan.

- Peluang interaksi antara muid banyak. Sifat social yang positif dapat dipupuk melalui kaedah kumpulan kecil – ujikaji, projek, perbincangan dsb.
- Pengetahuan abstrak dapat dijadikan konkrit dengan adanya bahan-bahan pelajaran
- Kaedah & Teknik – komputer, bahan cetak, modul, buku teks, buku rujukan, kamus, perakam pita, carta, peta, graf, spesimen, slaid, video, televisyen, projektor, dsb.

APAKAH PENDEKATAN DAN STRATEGI KESEPADUAN?

- Penggabungjalinan
 - Proses penyampaian beberapa kemahiran
 - Kecekapan melaksanakan aktiviti – membaca, menulis, menghurai, mengira, mewarna, menyanyi, melukis, melabel, mengarang, bercerita, berlakon dsb.
 - Mendengar, lisan, membaca dan menulis secara bersepadu
 - Kemahiran matematik digabungjalinkan dengan kemahiran bahasa
 - Ciri-ciri gabugjalin:
 - Integrasi beberapa kemahiran
 - Prosesnya bersepadu dan menyeluruh
 - Aktiviti dipelbagaikan dengan menarik
 - Kemahiran utama menjadi fokus
 - Organisasi kemahiran fleksibel
 - Kemahiran diintegrasikan saling kukuh mengukuh antara satu sama lain.
 - Cara mengguna gabungjalin
 - Mengenalpasti kemahiran utama & kemahiran sampingan
 - Kemahiran utama diberi fokus
 - Kemahiran-kemahiran sampingan dikuasai dahulu untuk kukuhkan kemahiran utama
 - Kemahiran utama digunakan di peringkat perkembangan pelajaran, kemahiran sampingan digunakan di semua peringkat pelajaran
 - Strategi penggabungjalinan kemahiran hendaklah dirancang berdasarkan objektif pelajaran, kebolehan & pencapaian murid.
 - Kemahiran-kemahiran diintegrasikan dalam urutan yang sesuai. Setiap kemahiran hendaklah dikaitkan dengan kemahiran yang berikutnya secara logikal.
- Penyerapan
 - Proses mengintegrasikan unsur-unsur isi kandungan daripada dua atau lebih mata pelajaran dalam sesuatu pelajaran
 - Isi matapelajaran sains dan kajian tempatan diserap menjadi isi mata pelajaran bahasa.
 - Pendidikan moral, Pendidikan seni, Pendidikan jasmani & Muzik juga diserapkan dalam program bahasa sebagai aktiviti sokongan.
 - Geografi, Sejarah, Kesihatan dan pendidikan moral diserapkan secara bersepadu dalam Sains /Kajian Tempatan.

- Penerapan Nilai murni , kurikulum akademik disepadukan dengan kokurikulum, kurikulum formal disepadukan dengan kurikulum tak formal.
- Ciri-ciri penyerapan :
 - Mengandungi beberap unsur ilmu pengetahuan
 - Berbagai unsur diserapkan dalam satu matapelajaran
 - Bilangan mata pelajaran dalam penyerapan fleksibel
 - Organisasi isi kandungan - Unsur utama dan unsur sampingan
 - Proses penyerapan boleh berlaku serentak dengan proses penggabungjalinan.

APAKAH PENDEKATAN DAN STRATEGI PENGAJARAN INDUKTIF?

- Mengumpul dan mentafsir maklumat-maklumat kemudian membuat generalisasi/kesimpulan
- Bermula dengan memberi beberapa contoh yang khusus
- Contoh-contoh mempunyai prinsip yang sama
- Murid dibimbing memikir, mengkaji, mengenalpasti & mentafsir maklumat untuk membuat generalisasi/kesimpulan
- Matematik, bahasa dan sains banyak menggunakan pengajaran induktif
- Kaedah inkuiri-penemuan diamalkan apabila mengajar sains
 - Contoh kusus ikan emas, udang, sotong, berudu
 - Memerhati & mengkaji – bernafas melalui insang
 - Mentafsir dan membuat generalisasi – Haiwan hidup dalam air mempunyai insang untuk bernafas.
- Prinsip Penggunaan Strategi Pengajaran Induktif
 - Sediakan contoh-contoh yang sesuai
 - Soalan-soalan disediakan untuk membimbing membuat kesimpulan
 - Guru tidak menghuraikan isi pelajaran, murid dibimbing untuk mencari kesimpulan
 - Jenis contoh khusus dipelbagaikan tetapi mengandungi ciri yang sama
 - Contoh-contoh khusus yang dipilih haruslah sesuai & mencukupi.
 - Murid-murid digalakkan memberi contoh yang sama
 - Guru tidak harus memberi contoh sekaligus
 - Sediakan alat bantu mengajar
 - Penggunaan deria-deria murid dalam aktiviti – lihat, dengar, hidu & sentuh.
 - Pengajaran mengikut urutan yang tepat – contoh-contoh spesifik membawa kepada kesimpulan umum.

APAKAH PENDEKATAN DAN STRATEGI PENGAJARAN DEDUKTIF?

- Strategi Pengajaran Deduktif merupakan kaedah mengajar yang kompleks kerana murid perlu memperolehi kefahaman yang mendalam /mencukupi serta berupaya

- memilih rumus, hukum, teorem, peraturan yang telah dipelajari dengan tepat untuk diaplikasi pada contoh-contoh khusus.
- Bermula daripada berberapa rumus, prinsip, hukum, teorem/peraturan
 - Digunakan kesimpulan baru, generalisasi baru daripada rumus, hukum, peraturan
 - Proses pengajaran:
 - Prinsip/rumus
 - Kaedah deduktif
 - Aplikasi rumus/prinsip
 - Mendapat rumus baru, prinsip baru dsb.
 - Guru memberi tahu murid objektif pelajaran pada peringkat awal,
 - Murid dibimbing mengingat kembali hukum, prinsip, teori, peraturan bagi mendapat kesimpulan yang baru/ menyelesaikan masalah.

APAKAH PENDEKATAN DAN STRATEGI PENGAJARAN ELEKTIF/eklektik?

- Elektif bererti pemilihan, eklektik bermakna bercampur
- Gabungan pendekatan digunakan
- Menggabungkan pendekatan indukti dan deduktif
- Banyak digunakan dalam pengajaran sains dan matematik
- Boleh gunakan strategi Pusatan guru, Pusatan murid, Pusatan bahan
- Digunakan dalam aktiviti pemulihan dan pengayaan

APAKAH PENDEKATAN DAN STRATEGI PENGAJARAN TEMATIK?

- Pokok perbincangan/topic utama contoh tema alam semula jadi, tema perpaduan kaum
- Tema dipecahkan kepada sub-topik untuk perbincangan
 - kumpulan pelbagai kebolehan
 - sama kebolehan
- Tema yang sama dibincangkan oleh
 - kumpulan pelbagai kebolehan
 - sama kebolehan
- Tema yang berbeza tetapi saling melengkapi
 - kumpulan pelbagai kebolehan
 - sama kebolehan
- Selepas perbincangan, dapatan-dapatan dibentangkan oleh wakil kumpulan
- Membuat rumusan

APAKAH PENDEKATAN DAN STRATEGI PENGAJARAN MASTERI (Mastery Learning)?

- Penguasaan, Kemahiran , Cepak, Lengkap
- Maklumbalas pembelajaran, pengubahsuaian, meningkat keberkesanan
- Faktor pencapaian murid:
 - Kebolehan asas
 - Kuantiti & kualiti pengajaran/pembelajaran
 - Kebolehan memahami pengajaran

- Daya usaha pembelajaran berterusan
 - Masa pembelajaran
- Strategi pengajaran – adakan objektif yang jelas dan boleh diukur.
- Pilih kaedah & teknik yng berkesan
- Nilai hasil pembelajaran dengan ujian formatif (diagnostic) dan ujian sumatif berdasarkan objektif pelajaran bagi melihat tahap penguasaan pelajaran.
- Aktiviti pemulihan kepada yang belum menguasai sesuatu pelajaran
- Yang lemah diberi pemulihan dan yang mencapaia objektif diberi aktiviti pengayaan.